

Newspaper	Harakah
Date	15/4/2013

Najib **tiru** bulat-bulat Manifesto Pakatan Rakyat

Laporan NYZA AYOB, AZIZ MUDA
& ARIFF ATAN

KUALA LUMPUR: Cabaran mentadbir negara kini lebih rumit kerana ekonomi yang lebih global, persaingan sengit, kesenjangan pendapatan (income disparity) yang meruncing di dalam negara dan kebebasan maklumat melalui media sosial, adalah contoh-contoh cabaran yang merumitkan pentadbiran Malaysia.

Keupayaan sesebuah parti mentadbir negara dengan baik boleh dinilai dari segi keaslian (originality) idea-idea baru yang dibawa untuk berdepan dengan cabaran-cabaran ini.

Setiap janji yang dimuatkan di dalam

Manifesto BN disemak dengan program-program sedia ada dan Manifesto Rakyat, untuk menentukan sama ada janji itu adalah idea baru, program sedia ada ataupun diciplak dari Manifesto Rakyat.

Dari 157 janji yang dimasukkan di dalam Manifesto BN, 15 peratus (atau 23 janji) diciplak hidup-hidup dari Manifesto Rakyat.

Sebahagian besar dari janji BN iaitu 71 peratus adalah program sedia ada atau sasaran umum yang memang menjadi tanggungjawab kerajaan dan diketahui umum.

Oleh itu, hanya 14 peratus atau 22 janji adalah idea baru yang belum diumumkan atau dilaksanakan.

Setelah menjadi Kerajaan Persekutuan

selama 56 tahun, BN tidak mampu pun mengenengahkan idea-idea baru yang boleh menarik perhatian rakyat.

Mengitar semula program sedia ada dalam keadaan persekitaran pentadbiran yang lebih rumit bermakna keberkesanan program sedia ada menyelesaikan masalah rakyat juga semakin merudum.

Sebab itu, akhirnya BN terpaksa menciplak idea-idea radikal Pakatan Rakyat yang popular dan menjadi harapan rakyat, sehinggakan 15 peratus dari Manifesto BN dimuatkan dengan idea Pakatan Rakyat.

Tindakan menciplak ini terutamanya berhubung perkara-perkara besar seperti menurunkan harga kereta, menghapuskan tol, memberi permit teksi individu, peranan kerajaan membina rumah rakyat

supaya tidak ditinggalkan kepada swasta, membina rumah untuk pekerja estet dan bantuan yang adil kepada sekolah menggambarkan bahawa BN akhirnya menerima hakikat Manifesto Rakyat adalah baik, mampu dilaksanakan dan menepati harapan rakyat.

Pakatan memasuki PRU13 dalam keadaan BN terpaksa mempertahankan Manifesto BN yang tidak asli dan disadur dari Pakatan Rakyat.

Memilih BN bermakna mengekalkan program sedia ada yang sudah terbukti tidak mampu mengubah nasib rakyat, memilih Pakatan Rakyat bermakna melaksanakan idea baru yang lebih asli dan radikal untuk menyelesaikan masalah rakyat.

Harakah - 15/4/2013